

**GARISPANDUAN LANTIKAN, TUGAS
DAN TANGGUNGJAWAB, DAN
PERLAKSANAAN MESYUARAT LEMBAGA
TAWARAN NEGARA, LEMBAGA
TAWARAN KECIL DAN JAWATANKUASA
SEBUTHARGA**

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**GARISPANDUAN LANTIKAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB, DAN
PERLAKSANAAN MESYUARAT LEMBAGA TAWARAN NEGARA, LEMBAGA
TAWARAN KECIL DAN JAWATANKUASA SEBUTHARGA**

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
1	Pendahuluan	2
2	Lembaga Tawaran Negara	2-3
3	Lembaga Tawaran Kecil	3-4
4	Jawatankuasa Sebut Harga	4-5

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garispanduan ini menerangkan Lantikan; Tugas dan Tanggungjawab; dan Pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Kecil dan Jawatankuasa Sebut Harga yang diselaraskan dengan Perenggan 15, 16 dan 17 dari Peraturan-Peraturan Kewangan 2022.

2. LEMBAGA TAWARAN NEGARA

- 2.1 Ahli-ahli Lembaga Tawaran Negara dilantik pada setiap Tahun Kewangan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perlantikan ini akan dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebaik sahaja ianya mendapat kebenaran.
- 2.2 Tugas dan tanggungjawab Lembaga Tawaran Negara adalah:
 - 2.2.1 Membuka, menerima, menyemak dan menimbangkan tawaran yang dihadapkan oleh Lembaga Tawaran Kecil bagi kerja-kerja, perkhidmatan dan pembekalan stor Kerajaan mengikut had nilai yang dinyatakan di dalam Garispanduan Perolehan Kerajaan;
 - 2.2.2 Membuat sokongan ke atas tawaran-tawaran tersebut untuk kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - 2.2.3 Meneliti dan mengemaskini Garispanduan Tawaran Kerajaan mengikut perkembangan semasa; dan
 - 2.2.4 Memantau dan mengawalselia proses tawaran.
- 2.3 Pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara hanya boleh dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, atau Timbalan Pengerusi Lembaga Tawaran Negara jika Pengerusi tidak dapat hadir. Tunjuk sebab ketidakhadiran Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli di Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara hendaklah dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara.
 - 2.3.2 Jumlah korum adalah separuh daripada jumlah ahli Lembaga Tawaran Negara. Sekiranya bilangan ahli adalah ganjil angkanya, maka jumlah korum adalah separuh dari angka genap selepas jumlah bilangan ahli-ahli berkenaan. Jika berlaku perselisihan pendapat, keputusan hendaklah diambil mengikut undi

lebih suara. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara akan mempunyai undi pemutus.

- 2.3.3 Lembaga Tawaran Negara hendaklah mengadakan Mesyuarat pada setiap hari Isnin dan Khamis. Jika hari Isnin dan Khamis jatuh pada hari kelepasan awam, maka Pengerusi Lembaga Tawaran Negara akan menetapkan samaada untuk bermesyuarat pada hari bekerja berikutnya.
- 2.3.4 Sokongan-sokongan Lembaga Tawaran Negara hendaklah direkodkan di dalam Minit Mesyuarat untuk penelitian dan pengesahan ahli-ahli Lembaga Tawaran Negara.
- 2.3.5 Minit Mesyuarat yang telah disahkan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan seterusnya dihadapkan kepada Menteri Kewangan dan Ekonomi bagi disebarkan ke Hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk ketetapan seterusnya.
- 2.3.6 Menteri Kewangan dan Ekonomi hendaklah menyampaikan ketetapan yang telah didapatkan terhadap sokongan-sokongan Lembaga Tawaran Negara kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara pada mana satu salinan surat mengenainya bersama dengan Minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara yang berkenaan hendaklah dihadapkan kepada Juruaudit Agung.

3. LEMBAGA TAWARAN KECIL

- 3.1 Ahli-ahli Lembaga Tawaran Kecil dilantik pada setiap Tahun kewangan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perlantikan ini akan dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebaik sahaja ianya mendapat kebenaran.
- 3.2 Tugas dan tanggungjawab Lembaga Tawaran Kecil adalah:
 - 3.2.1 Menerima, membuka, menyemak dan mempertimbangkan tawaran bagi kerja, perkhidmatan dan pembekalan barang-barang Kerajaan mengikut had nilai yang dinyatakan di dalam Garispanduan Perlolehan Kerajaan;
 - 3.2.2 Membuat sokongan ke atas tawaran-tawaran di atas untuk kelulusan Menteri di Kementerian yang berkenaan atau Lembaga Tawaran Negara mengikut had nilai yang dinyatakan di dalam Garispanduan Perlolehan Kerajaan;
 - 3.2.3 Menghadapkan Salinan Minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil yang telah disahkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara tidak lewat 2 minggu setelah ianya diluluskan oleh Menteri masing-masing dengan memberikan Salinan kepada Jurukira Agung dan Juruaudit Agung;

- 3.2.4 Membincangkan dan mengemaskinikan sokongan jika ada kueri daripada Lembaga Tawaran Negara dan dicatit dalam Minit Mesyuarat; dan
 - 3.2.5 Memantau Pegawai Pengawal ke atas pelaksanaan perolehan yang telah diluluskan samaada yang telah diluluskan oleh Menteri atau Lembaga Tawaran Negara.
- 3.3 Pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil
- 3.3.1 Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil hanya boleh dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, atau Timbalan Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil jika atas sebab-sebab tertentu Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil tidak dapat menghadirinya. Tunjuk sebab ketidakhadiran Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli di Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil.
 - 3.3.2 Jumlah korum adalah separuh daripada jumlah ahli Lembaga Tawaran Kecil. Sekiranya bilangan ahli adalah ganjil angkanya, jumlah korum adalah separuh dari angka genap selepas jumlah ahli-ahli berkenaan. Jika berlaku perselisihan pendapat, keputusan hendaklah diambil mengikut undi lebih suara. Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil akan mempunyai undi pemutus.
 - 3.3.3 Lembaga Tawaran Kecil bermesyuarat pada setiap hari Selasa jam 8.30 pagi dan 1.45 petang. Lembaga Tawaran Kecil boleh mengadakan Mesyuarat pada hari-hari lain sebagai tambahan kepada hari Selasa jika ada keperluan.

4. JAWATANKUASA SEBUT HARGA

- 4.1 Ahli-ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dilantik pada setiap Tahun Kewangan oleh Menteri di Kementerian masing-masing. Perlantikan ini akan dimaklumkan kepada ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri di Kementerian masing-masing.
- 4.2 Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Sebut Harga:
 - 4.2.1 Menerima, membuka, menyemak dan menimbangkan sebut harga bagi kerja, perkhidmatan dan pembekalan barang-barang untuk Kerajaan mengikut had nilai yang dinyatakan di dalam Garispanduan Perolehan Kerajaan; dan
 - 4.2.2 Membuat sokongan ke atas sebut harga tersebut untuk kelulusan Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal.

4.3 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga:

- 4.3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga hanya boleh dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga atau Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga jika atas sebab-sebab tertentu Pengerusi tidak dapat hadir.
- 4.3.2 Jumlah korum adalah separuh daripada jumlah ahli Jawatankuasa Sebut Harga. Sekiranya bilangan ahli adalah ganjil angkanya, jumlah korum adalah separuh dari angka genap selepas jumlah ahli-ahli berkenaan. Jika berlaku perselisihan pendapat, keputusan hendaklah diambil mengikut undi lebih suara. Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga akan mempunyai undi pemutus.
- 4.3.3 Tarikh permesyuaratan adalah tertakluk kepada ketetapan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga.